



CPD Perintis **Live**

Rabu, 24 November, 3:00 Petang hingga 5:00 Petang

Hibah Harta Bercagar dan Penarikan Balik Hibah

 **Ahli Badan Peguam Malaysia | RM20**
Pelatih dalam kamar dan Pelajar Undang-undang | Percuma
Bukan Ahli | RM60

2 Mata CPD

Setelah pengesahan dan bukti pembayaran diterima, pautan ke webinar CPD Perintis Live akan dihantar melalui e-mel kepada peserta yang berdaftar. Pendaftaran akan ditutup pada jam **3:00 petang, 22 November 2021 (Isnin)**.

Tiada pendaftaran tambahan yang akan diterima setelah tarikh tutup, atau jika webinar CPD Perintis Live penuh.

Jabatan CPD mungkin tidak membenarkan pendaftaran di masa depan jika anda gagal menghadiri webinar CPD Perintis Live setelah mendaftar kecuali anda memberikan alasan yang boleh diterima dan sah.



Perlu diketahui bahawa bagi suatu pinjaman perumahan yang bertempoh antara 10 hingga 25 tahun, pembeli diwajibkan mencagarkan tanah atau premis tersebut kepada pihak pembiaya pinjaman seperti bank atau Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (“LPPSA”).

Semasa tempoh pembayaran balik pinjaman tersebut, ada pihak yang boleh melangsaikan pinjaman, tetapi ada juga yang gagal membayar atau berlakunya kematian peminjam yang boleh memberi kesan kepada perjalanan pinjaman perumahan tersebut.

Ada yang mengatakan bahawa apabila kita mencagarkan tanah atau premis yang dibeli melalui pembiayaan atau pinjaman, harta cagaran tersebut menjadi hak kepentingan bank atau LPPSA, dan dalam situasi sedemikian, peminjam tidak boleh melupus atau memindah milik kepada pihak lain selagi pinjaman perumahan tersebut tidak dilunaskan. Malah, dari sesetengah sudut pandangan, pihak pembiaya pinjaman boleh melelong atau menjual hartanah kepada pihak lain apabila pinjaman tersebut gagal dilunaskan sepenuhnya.

Ada pula pandangan bahawa pihak pembiaya tidak boleh melupuskan dengan mudah untuk recovery loan yang ada kerana terdapat insuran perumahan yang akan membayar balik pinjaman apabila berlakunya kematian si peminjam.

Persoalannya, selagi ada pinjaman yang belum dilunaskan dan menjadi hak serta kepentingan pembiaya pinjaman, bolehkah si peminjam tersebut memberikan harta yang sedang dicagar kepada pihak lain?

Pelbagai polemik dan perbincangan timbul seperti, bolehkah peminjam membuat hibah (pemberian) harta yang berada dalam cagaran kepada orang tersayang? Dalam situasi lain, bolehkah seseorang membatalkan atau menarik balik hibah atau pemberian harta yang diberikan olehnya suatu ketika dahulu?

Persoalan yang sangat menarik ini wajar untuk diambil tahu dan akan diulas oleh penceramah kita untuk sesi ini.

Penceramah



Haji Mukhtar b Abdullah ialah seorang peguam sivil dan Syarie. Beliau ialah rakan kongsi di Tetuan Zamani Mohammad & Co., dan mempunyai kelulusan Ijazah Undang-Undang dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (“UIAM”) pada tahun 1991.

Beliau ialah penceramah bagi siri seminar yang dianjurkan oleh Majlis Peguam dan Jawatankuasa Peguam Negeri-Negeri di bawah program Pembangunan Profesional Berterusan (Continuing Professional Development (“CPD”)). Beliau turut memberi ceramah kepada badan-badan bukan kerajaan di Semenanjung Malaysia dan Sabah, terutamanya dalam isu berkaitan hak-hak wanita di bawah undang-undang keluarga Islam dan perancangan harta melalui hibah, harta sepencairan dan wasiat, serta penyelesaian harta selepas kematian.

Beliau mempunyai pengalaman selama 26 tahun dalam bidang undang-undang sivil dan Syariah, dan beliau ialah mantan Pengerusi Persatuan Peguam Syarie Terengganu (“PPST”). Kini, beliau ialah penasihat kepada PPST dan ahli dalam Jawatankuasa Undang-Undang Syariah Majlis Peguam.

Setakat ini beliau telah menulis dan menerbitkan lapan buah buku untuk rujukan peguam, pelajar Syariah dan orang awam, iaitu:

- (1) *Harta Sepencarian dan Hak Wanita* (2014);
- (2) *Suami Isteri: Hak dan Obligasi dari Sudut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia* (2015);
- (3) *Aplikasi & Tuntutan Hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia* (2016);
- (4) *Pembubaran Perkahwinan Secara Fasakh: Kaedah dan Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah di Malaysia* (2017);
- (5) *Tuntutan Wasiat di Mahkamah Syariah di Malaysia* (2018);
- (6) *Perancangan & Pengurusan Harta dari Perspektif Syariah & Undang-Undang di Malaysia* (2019);
- (7) *Mut’ah Bukanlah Suatu Tuntutan Balas Dendam* (2020); dan
- (8) *Hak Wanita Selepas Bercerai di Bawah Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia* (2021).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi: cpd@malaysianbar.org.my.



CPD | **BAR COUNCIL
MALAYSIA**
REFINING SKILLS

Diterbitkan oleh:

**Murshidah Mustafa, Jaspal Singh Gill dan
Richard Wee Thiam Seng**
**Pengerusi Bersama,
Professional Standards and Development
Committee**

CPD **Live**

A Step-By-Step Guide to Join CPD Live via Zoom

CPD Live is an initiative by the Bar Council during the Movement Control Order.

Continue learning even while at home. We're here to inspire you, connect with you and learn with you. This guide will show you how to join the CPD Live smoothly.

01

For seamless streaming, download the Zoom app.



You will be given a webinar ID and a password to join CPD Live once your registration has been confirmed.

02

Log in to Zoom, and provide your username.

For Members of the Bar or pupils in chambers, use the format below for identification purposes when prompted: **Full name (as per NRIC) | Bar Council membership number or petition number.**

For non-Members, provide your full name only.

03

Set up your space.

Find a spot which is comfortable and free from background noises. You may use an earpiece with microphone for clarity. Having a strong internet connection is equally important.



04

Please raise your questions only during the Question-and-Answer session.

Please take note that no speaking is allowed when CPD Live is taking place.

If you wish to raise a question, please type in the Q&A box and the speaker will respond accordingly.

05

Please do not do these



Sharing screen recording and webinar ID and password links, and reproducing the content of the CPD Live session on any platform.

Any unregistered person may be removed without prior notice and no CPD point will be awarded. Failure to adhere to this may result in disciplinary action by the Bar Council.

CPD **Live**